



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Complex Parcel E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 JLD 16 (97)

Tarikh : 8 Mei 2026

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN BILANGAN 2  
TAHUN 2026: PANDUAN LITERASI KECERDASAN BUATAN (AI)  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**TUJUAN**

Surat pekeliling ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan Panduan Literasi Kecerdasan Buatan (AI) Kementerian Pendidikan (KPM).

**LATAR BELAKANG**

2. Dunia kini berada dalam era teknologi AI yang memerlukan anjakan berterusan dalam kehidupan dan lanskap ekosistem pendidikan. Sejalan dengan hasrat untuk memperkasakan murid bagi mendepani ledakan teknologi AI, KPM komited untuk memastikan ekosistem pendidikan negara bukan sahaja kekal relevan malah mampu memanfaatkan potensi AI bagi pelaksanaan pembelajaran diperibadikan dan adaptif.
3. Selari dengan aspirasi Rancangan Pendidikan Malaysia 2026 - 2035 dan Dasar Pendidikan Digital, panduan ini dibangunkan sebagai rujukan untuk melahirkan generasi yang fasih digital dan AI, berpemikiran kritis, inovatif serta menjadi warga digital yang bertanggungjawab.
4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan (MPKPM) Bilangan 2 Tahun 2026 bertarikh 26 Februari 2026 telah meluluskan pelaksanaan Panduan Literasi Kecerdasan Buatan (AI) Kementerian Pendidikan secara menyeluruh.

## PELAKSANAAN

5. Panduan Literasi Kecerdasan Buatan (AI) Kementerian Pendidikan berpaksikan Kerangka Literasi AI KPM yang merangkumi empat domain utama, iaitu Tadbir Urus AI, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan Etika AI. Pelaksanaan panduan ini memerlukan tanggungjawab kolektif daripada semua pihak berkepentingan dalam ekosistem pendidikan seperti yang berikut:

- 5.1 **Pemimpin Institusi Pendidikan:** Sebagai peneraju transformasi utama yang membentuk budaya dan hala tuju pendidikan digital, memastikan kepatuhan kepada panduan yang disediakan serta menyokong pembangunan kapasiti pendidik;
- 5.2 **Pendidik:** Sebagai pemudah cara dan pembimbing yang mengintegrasikan teknologi AI secara strategik dalam PdP dengan memastikan bahawa AI ialah alat pembantu dan bukan sebagai pengganti tugas hakiki guru;
- 5.3 **Murid:** Sebagai pengguna aktif yang berintegriti dan beretika, menggunakan AI untuk meningkatkan kreativiti dan berinovasi dalam penyelesaian masalah tanpa menyetepikan kejujuran dan integriti akademik;
- 5.4 **Ibu Bapa dan Komuniti:** Sebagai rakan strategik yang memantau penggunaan AI yang beretika dan selamat di luar waktu persekolahan serta melindungi keselamatan data peribadi murid secara dalam/luar talian sepanjang masa; dan
- 5.5 **Pegawai Pendidikan (Bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD)):** Sebagai pemangkin dan pusat rujukan utama bagi memastikan penyelarasan dasar serta sokongan pedagogi dan teknikal dilaksanakan secara saksama di seluruh negara.

6. Kejayaan literasi AI ini turut disokong menerusi ekosistem kolaboratif, iaitu kerjasama strategik dengan rakan industri, institusi pengajian tinggi serta agensi penyelarasan AI nasional bagi memastikan pengadaptasian teknologi ini selari dengan hala tuju negara dan keperluan industri masa hadapan.

7. Panduan ini terpakai oleh semua institusi pendidikan bawah KPM manakala institusi pendidikan swasta yang berdaftar bawah KPM digalakkan untuk merujuk dokumen ini di peringkat institusi masing-masing.

## TARIKH KUAT KUASA

8. Surat pekeliling ikhtisas ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

## TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN


9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan semua institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah



**(DATUK DR. MOHD AZAM BIN AHMAD)**

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan

- s.k.:
1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan
  4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan

5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan
6. Penasihat Undang-undang  
Kementerian Pendidikan